جابتن ڤرهوتنن نڬري ڤيرق
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100
: 05-528 8071
: 05-528 8072
: 05-528 8073
: 05-528 8075
Faks : 05-528 8101
Laman Web : www.perakforestry.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PPN.Pk (HL) 4.43 ( )

Tarikh : 12 Safar 1441 H
11 Oktober 2019

Pegawai Hutan Daerah
Kinta/Manjung, Perak Selatan
Hulu Perak, Larut & Matang, Kuala Kangsar

Tuan/puan,

PEMBERITAHUAN PENUTUPAN SEMUA LALUAN PENDAKIAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, semua laluan pendakian dan aktiviti-aktiviti bagi tujuan rekreasi, *trekking*, pacuan empat roda, dan sebagainya di dalam Hutan Simpanan Kekal adalah tidak dibenarkan dan ditutup kepada pengunjung awam mulai **1 November 2019 sehingga 31 Januari 2020** ekoran musim tengkujuh yang berpanjangan.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan adalah dipohon untuk mempamerkan notis pemberitahuan penutupan seperti di lampiran di semua Taman Eko-Rimba, Pejabat Hutan Daerah, Pejabat Renj Hutan, Pejabat Daerah dan Tanah, Balai Polis, Balai Bomba, Pejabat Penghulu dan sebagainya yang berkaitan.

4. Ekoran daripada penutupan ini juga, pejabat ini juga memohon kerjasama pihak tuan/puan untuk memantau setiap laluan pendakian yang terlibat agar tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.

5. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan dialu-alukan.

.../2

PPN.Pk (HL) 4.43 ( )

PEMBERITAHUAN PENUTUPAN SEMUA LALUAN PENDAKIAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP)
Pengarah Perhutanan Negeri,
Perak Darul Ridzuan

s.k	Timbalan Pengarah (Operasi)	- untuk makluman tuan
	Timbalan Pengarah (Pembangunan)	- untuk makluman puan
	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	- mohon war-war dalam laman sesawang JPNPK dan menutup link permohonan ke pendakian gunung di dalam Sistem e-permit.